

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : **BUKAN LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kaedah untuk mengurangkan jumlah sampah di **tapak pelupusan awam** serta kaedah untuk mengelakkan masalah-masalah lain seperti pembakaran terbuka yang menjejaskan isu alam sekitar yang lain.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menetapkan sasaran Kadar Kitar Semula Kebangsaan sebanyak 40% pada tahun 2025 sebagai salah satu usaha untuk mengurangkan jumlah sampah di tapak pelupusan awam. Di samping itu, Kerajaan juga mewajibkan pengasingan sisa pepejal isi rumah mulai 1 September 2015 agar dapat membantu mengurangkan jumlah sisa pepejal yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya meningkatkan jangka hayat tapak pelupusan sedia ada.
2. Bagi mencapai sasaran Kadar Kitar Semula Kebangsaan, KPKT komited melaksanakan inisiatif-inisiatif seperti berikut :

- a) Melaksanakan kempen-kempen pengasingan sisa pepejal isi rumah dan program-program 3R (*Reduce, Reuse dan Recycle*) secara berterusan dan bersepadu untuk mencapai kelestarian alam sekitar yang merangkumi kempen kesedaran dan promosi mengenai faedah 3R, program pendidikan untuk pelbagai peringkat umur, program libat urus di peringkat sekolah, komuniti, industri, pejabat kerajaan serta program-program untuk mendaya masyarakat dan penguatkuasaan;
 - b) Melaksanakan program berkonsepkan *Trash to Cash @ Komuniti*. Program ini dirangka berdasarkan Dasar Kebersihan Negara bagi memperkasakan kesedaran awam mengenai kebersihan alam sekitar melalui pembudayaan amalan 3R. Program ini dapat membimbing masyarakat untuk menjadikan sisa pepejal sebagai sumber pendapatan tambahan dengan mengumpul dan menjual barangan kitar semula seperti kertas, tin aluminium, besi dan lain-lain kepada vendor atau pusat kitar semula di kawasan komuniti; dan
 - c) Menggunakan teknologi seperti *Material Recovery Facility (MRF)* agar dapat membantu mengurangkan penghantaran bahan kitar semula ke tapak pelupusan. Penggunaan mesin kompos mekanikal seperti di Bukit Fraser dan Cameron Highlands, Pahang juga membantu dalam merawat sisa makanan dan mengurangkan kebergantungan terhadap tapak pelupusan.
3. Selain itu, Kerajaan juga kini ke arah mewujudkan lebih banyak fasiliti Anaerobic Digester (AD) serta Waste to Energy (WTE) untuk merawat sisa pepejal sebelum dilupuskan ke tapak pelupusan.
4. Untuk makluman Yang Berhormat, berhubung isu pembakaran terbuka, Kerajaan di bawah Kementerian Alam Sekitar dan Air sentiasa mengawasi aktiviti pembakaran terbuka yang dilakukan oleh pihak yang

tidak bertanggungjawab dengan melaksanakan tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

5. Walau bagaimanapun, KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) menetapkan Key Performance Indicator (KPI) dalam memastikan masalah seperti pembakaran terbuka di kawasan tapak pelupusan dikurangkan. Setiap tapak pelupusan yang dipantau oleh SWCorp diuruskan oleh operator yang dilantik oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN).

6. Antara KPI yang telah ditetapkan kepada operator yang dilantik untuk menguruskan operasi di tapak pelupusan bagi mengelak masalah kebakaran serta isu-isu lain yang menjejaskan alam sekitar adalah seperti berikut :

- a) Melaksanakan penutupan sisa secara harian selepas waktu pengoperasian tapak;
- b) Memastikan sisa yang telah ditambun ke dalam sel dan mencapai ketinggian tiga meter perlu dipadat dan ditutup tanah sementara (*intermediate cover*). Hanya 20% kawasan sahaja yang dibenarkan dibuka bagi tujuan pengoperasi harian; dan
- c) Mengasingkan sisa pepejal yang mudah terbakar dengan sisa domestik.

7. Selain itu, sebagai langkah persediaan menghadapi kebakaran, kerjasama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah dilaksanakan bersama operator tapak dalam memberikan latihan dan penyediaan pelan tindakan kecemasan sekiranya kebakaran berlaku di kawasan tapak pelupusan.

Sekian, terima kasih.